



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 9 FEBRUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MOA ADAKAN MESYUARAT TENTUKAN TINDAKAN TERHADAP WARGA ASING MONOPOLI PASAR BORONG, NASIONAL, SH -14 JAWATANKUASA BABIT LIMA KEMENTERIAN CARI JALAN, NASIONAL, BH -5 EMPAT AGENSI TANGANI MONOPOLI, LOKAL, HM -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4.	OP NAGA BARAT CAPAI SASARAN, LOKAL, HM -16	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) / JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	FAMA SASAR JUALAN TERUS DARI LADANG RM6 JUTA, NASIONAL, BH -20	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	INDUSTRI PADI PERLU 'INSTITUSI BETUL', MUKA SEPULUH, BH -10	BERNAS
7. 8.	PUKAT HANTU ANCAM HIDUPAN LAUT DI TIOMAN, LOKAL, HM -12 OKU HILANG DITEMUI SELAMAT, LOKAL, HM -12	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/2/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

MOA adakan mesyuarat tentukan tindakan terhadap warga asing monopoli pasar borong

MERSING - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan mengadakan mesyuarat dengan beberapa kementerian dalam waktu terdekat bagi menentukan bentuk tindakan yang akan diambil terhadap peniaga warga asing yang memonopoli pasar borong.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kementerian itu ialah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, pihaknya akan bertindak segera dalam menangani isu terbabit, malah beliau juga telah menerima banyak laporan daripada peniaga dan masyarakat mengenai isu itu.

“Saya turut menyaksikan

sendiri hampir 100 peratus pasar borong dikuasai oleh peniaga warga asing dan ini tidak baik kepada perkembangan negara kerana ia menjejaskan pendapatan golongan petani dan peniaga tempatan.

“Sebelum ini, satu jawatan-kuasa khas bagi membincangkan perkara itu sudahpun wujud dan saya rasa kita perlu tunggu mesyuarat dalam masa terdekat untuk ambil tindakan sewajarnya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) Tanah Abang di sini semalam.

Menurut laporan sebuah akhbar tempatan pada Isnin lepas, terdapat kebanjiran warga asing menguasai perniagaan di Pasar Borong Selayang, Kuala Lumpur tanpa adanya kawalan pihak berkuasa. - *Bernama*



“Saya turut menyaksikan sendiri hampir 100 peratus pasar borong dikuasai oleh peniaga warga asing.”

Monopoli peniaga asing di pasar borong

Jawatankuasa babit lima kementerian cari jalan

Tindakan segera diambil elak masyarakat terus bimbang: Salahuddin

Oleh Adnan Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Mersing: Jawatankuasa dianggotai lima kementerian akan bermesyuarat dalam tempoh terdekat untuk mencari jalan menangani banjiriran serta monopoli peniaga warga asing di Pasar Borong Selayang dan Kuala Lumpur.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata selain kementerianannya, jawatankuasa itu turut dianggotai Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, masalah berkenaan sudah berlarutan sekian lama dan tindakan segera harus dilakukan agar tidak terus menjadi kebimbangan kepada masyarakat awam, khususnya yang berurusan secara terus di dua pasar borong terbabit.

"Banyak laporan diterima, malah saya sendiri membuat tinjauan dan mendapati hampir 90 peratus aktiviti perniagaan di kedua-dua pasar berkenaan dimo-



Salahuddin meninjau ladang tanaman nanas MD2 melalui Projek Kluster Nanas Lestari di Tanah Abang Mersing, semalam. (Foto Adnan Ibrahim/BH)

nopoli peniaga warga asing.

"Jadi satu mesyuarat akan diadakan dalam tempoh terdekat bagi membincangkan langkah wajar yang dapat dilakukan untuk mengatasi masalah berkenaan," katanya selepas merasmikan projek Kluster Nanas Lestari Tanah Abang di Mersing, semalam.

Beliau berkata, penguasaan warga asing terhadap aktiviti perniagaan di dua pasar borong itu amat tidak baik untuk negara, di samping menekan pekebun yang terpaksa menjual hasil pada harga murah kepada mereka.

"Tiada lagi kompromi terhadap masalah seperti ini kerana ia umpama barah yang mampu me-

rebak ke seluruh negara jika terus dibiarkan," katanya.

Terdahulu ketika berucap, Salahuddin berkata Kluster Nanas Lestari hasil inisiatif Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bertujuan menyusun semula kawasan penanaman nanas secara rasmi melalui pengurusan berpusat dan bersepadu.

"Antara objektif utama mewujudkan zon atau kluster tanaman nanas MD2 secara kekal, selain melahirkan usahawan muda kategori B40 dengan sasaran peningkatan pendapatan sekitar RM5,000 sebulan.

"Melaluinya kawasan tanah berkeluasan 121.5 hektar dipertingkatkan, yang mana sebahagi-

annya akan dimajukan 12 peserta dalam kalangan B40 dengan penanaman nanas berkeluasan 10 ekar (4.04 hektar) setiap seorang," katanya.

Beliau berkata, projek berkenaan berbeza dengan penanaman nanas berkelompok lain kerana mempunyai pembabit beberapa pihak termasuk Kulim (Malaysia) Berhad selaku agensi peneraju, selain LPNM dan Agrobank yang memainkan peranan masing-masing.

"Semua peserta akan diberi pendedahan daripada LPNM dari sudut teori dan praktikal pengurusan ladang MD2, malah terus dibimbing sehingga berjaya mengeluarkan hasil," katanya.



BH TV

9/2/2020

HARIAN
METRO

LOKAL

16

am@hmetro.com.my

Lahad Datu

Seorang pejalan kaki maut selepas terkena tayar lori tangki yang tercabut di Kilometer 9, Jalan Lahad Datu - Sandakan,

jam 10.20 pagi, mangsa berusia 64 tahun dilaporkan meninggal dunia di lokasi kejadian akibat kecederaan parah di kepala.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Nasri Mansor berkata, lori tangki membawa muatan

jadian oleh pegawai perubatan. Mayatnya dihantar ke bilik mayat Hospital Lahad Datu untuk bedah siasat," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Nasri berkata, susulan kejadian pihaknya menahan

lili lesen memandu. Ujian air kencing dilakukan terhadap pemandu terabit nekadah lelaki itu diambil untuk ujian.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

Pasir Puteh: Op Naga Barat berjaya mengekang aktiviti pencerobohan nelayan asing dan meningkatkan trend pendaratan ikan yang ketara di Pantai Timur Semenanjung.

Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Jamaludin Othman berkata operasi itu dilaksanakan empat agensi bermula Mei 2019 hingga kini.

Menurutnya, peningkatan ketara dicatatkan bermula Ogos hingga Oktober tahun lalu.

"Berdasarkan data pendaratan di pelabuhan dan kompleks LKIM Negeri Kelantan, jumlah pendaratan ikan di Pantai Timur tahun lalu masih lagi rendah berbanding empat tahun sebelumnya.

"Ia mungkin berpunca daripada pencerobohan vesel penangkapan ikan oleh nelayan asing di Pantai Timur sejak beberapa tahun kebelakangan ini," katanya.

Jamaludin berkata, peningkatan ketara akan terus dapat diihat tahun depan jika operasi itu diteruskan.

"Pencerobohan nelayan asing juga meningkatkan kesan yang teruk terhadap ekosistem laut dan kita harap akan aktiviti pemuliharaan dan penguasaan sumber dapat ditangani dengan baik.

JAMALUDIN (dua dari kiri) melihat hasil tangkapan nelayan tempatan ketika melakukan tinjauan dalam Op Naga Barat.



Op Naga Barat capai sasaran

"Rata-rata nelayan yang ditemui menzahirkan rasa terima kasih kepada kerajaan terutama jabatan dan agensi yang melaksanakan serta meneruskan Op Naga Barat.

"Di pihak nelayan juga perlu mengikut peraturan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan seperti pemakaian pelampung, jaket keselamatan dan pelbagai peralatan lain," katanya kepada pemberita ketika melakukan tinjauan di perairan Tok Bali, di sini semalam.

Empat agensi tangani monopoli

Mersing: Satu jawatan-kuasa dianggotai empat agensi dibentuk bagi menangani kebajikan dan monopoli peniaga warga asing di Pasar Borong Kuala Lumpur.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub (gambar) ber-

niagaan di dua pasar itu dinopoli peniaga warga asing," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan projek Kluster Nanas Lestari Tanah Abang di sini, semalam.

Katanya, penguasaan warga asing terhadap aktiviti perniagaan di dua pasar borong itu amat tidak

baik untuk negara di samping menekan pekebun yang terpaksa menjual harga murah kepada mereka.

"Tiada lagi kompromi terhadap masalah seperti ini kerana ia umpama babak yang mampu merabak ke seluruh negara jika terus

"dibiarakan," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/2/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

FAMA sasar Jualan Terus Dari Ladang RM6 juta

Melaka: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasaskan nilai jualan program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) mencecah RM6 juta tahun ini, berbanding kira-kira RM5.27 juta tahun lalu.

Pemangku Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA yang juga Pengarah Kanan Urus niaga Segar FAMA, Mohd Anis Mohd Yasin, berkata pelbagai usaha dilaksanakan kerajaan menerusi agensi, jabatan dan institusi kewangan di negara ini bagi mencapai sasaran itu khususnya menggalakkan lebih ramai generasi muda membabitkan diri dalam sektor pertanian.

Beliau berkata, antara usaha berkenaan ialah pembiayaan mikro dalam sektor pertanian dan asas tani bernilai RM100 juta kepada usahawan mikro berpendapatan rendah (B40) yang ditawarkan syarikat minyak dan gas negara, Petrolia Nasional Bhd (PETRONAS) menerusi kerjasama strategik dengan Agrobank.

* "Kita menggalakkan petani khususnya generasi muda daripada golongan B40 memanfaatkan pinjaman yang ditawarkan ini bagi membantu mereka menjana pendapatan lebih lumayan menerusi sektor pertanian.

"Selain itu, usaha ini sekali gus mampu mengurangkan import hasil pertanian dari negara luar yang dilihat masih tinggi dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pertanian," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Program JTDL Negeri Melaka 2020, di sini, kelmarin.

Program yang dirasmikan EXCO Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee itu turut dihadiri Pengarah FAMA negeri, Che Samudin Hassan.

Mengulas lanjut, Mohd Anis berkata menerusi pinjaman itu, generasi muda diharap dapat mengguna pakai teknologi baharu dan moden antaranya bioteknologi yang mampu menghasilkan pengeluaran yang lebih singkat dan pulangan lumayan.

Beliau berkata, FAMA sentiasa menyokong dan membantu usahawan atau petani termasuk dari aspek promosi dan menyediakan pelbagai outlet pasaran di lokasi strategik bagi memastikan hasil pertanian dapat dipasarkan secara terus kepada pengguna.

"Apa yang kita lihat adalah kebanyakan petani atau usahawan mempunyai masalah untuk memasarkan produk atau hasil pertanian mereka," katanya.

BERNAMA

Industri padi perlu 'institusi betul'

Dari
Kaca
Mata

**Prof Dr Fatimah
Mohamed Arshad**

Felo Penyelidik Institut Kajian
Dasar Pertanian dan Makanan
Universiti Putra Malaysia dan
Anggota Majlis Penasihat
Pertanian Negara

Industri padi dan beras perlu pembaharuan selepas terpengkap dalam kerangka struktur dan ekosistem sama selama lima dekad.

Strategi tiga serampang dilaksanakannya, iaitu memastikan harga padi yang tinggi kepada pengeluar, harga yang stabil dan beras bermutu kepada pengguna dan mencapai tahap sara diri (SSL) - didasarkan sebagai petunjuk kepada jaminan bekalan makanan negara.

Untuk menstabilkan harga beras dan ketersediaannya, instrumen perlu digunakan. Pertama, hak monopoli import kepada syarikat milik kerajaan untuk mengatasi ketidakcekapan pasaran. Kedua, kawalan harga (ladang dan runcit) dan peraturan pasaran untuk kepentingan petani dan pengguna. Ketiga, subsidi (input dan output) untuk menggalakkan pengeluaran.

Ketiga-tiga instrumen ini saling mempengaruhi dan membentuk ekosistem industri sejak 1971. Pakej campur tangan ini kekal dengan beberapa ubah suai.

Yang ketara apabila Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang dimiliki sepenuhnya kerajaan, dikorporatkan kepada BERNAS pada 1996, sebelum beralih menjadi syarikat swasta pada 2014.

Impak dasar boleh dirumuskan sebagai harga padi dan beras berjaya distabilkan dan SSL dipertahankan pada paras sasaran 65 hingga 70 peratus.

Namun, objektif dicapai dengan beban kos sosioekonomi tinggi kepada industri dan masyarakat.

Di Malaysia, impak pertama adalah herotan pasaran, penggunaan sumber yang tidak cekap yang membantutkan pertumbuhan. Kedua, sektor hiliran kurang kompetitif, iaitu lebih berpusat dengan syer pasaran yang besar kepada peserta seperti pengilang, pemborong, pengimport berbanding dengan petani yang kecil dan

miskin. Ketiga, kebajikan golongan sasar terutama pengeluar tidak menunjukkan kemajuan (sejumlah 90 peratus petani dalam kategori B40).

Industri rata-rata menunjukkan kadar pertumbuhan perlahan. Selepas Revolusi Hijau, industri tidak menarapkan kemajuan menyelerah. Rata-rata hasil dan pengeluaran padi meningkat sekitar 1 peratus setahun, tidak mampu mengejar kadar pertumbuhan penggunaan pada 1.6 peratus setahun.

Hasil padi meningkat daripada 2.8 tan per hektar (t/ha) pada 1980 kepada 4 t/ha pada 2015. Walaupun nilai subsidi (input dan output) berlipat ganda tiga kali, hasil menurun 3.7 t/ha pada 2018. Hasil padi Malaysia 30 peratus lebih rendah berbanding Vietnam (5.7 t/ha) dan satu pertiga daripada China (6 t/ha).

Kemunculan LPN pada 1971 meletakkan titik peralihan besar sektor hiliran beras. LPN bertanggungjawab merombak struktur kilang beras yang kompetitif kepada yang lebih berpusat (kurang bersaing) dan diperkukuhkan lagi oleh BERNAS.

Sebelum LPN, terdapat 1,500 kilang beras kecil di mana 60 peratus adalah koperasi dimiliki petani sendiri. Sejumlah 70 peratus adalah petani Melayu. Namun, menjelang 2018, hanya ada 173 kilang, menurun 90 peratus.

Kilang kecil dan sederhana terpaksa gulung tikar kerana halangan kemasukan tinggi seperti keperluan modal tinggi, teknologi dan harga padi tinggi.

Pemusatan sektor kilang diperkukuhkan lagi BERNAS yang ber-

sepatat dengan kilang, pemborong untuk pengurusan pembelian padi dan beras. Syer pembelian padi BERNAS adalah 48 peratus dan monopoli import beras adalah 30 peratus daripada penggunaan (2017). Kini syer BERNAS mencecah 78 peratus, menghampiri monopoli total.

Di bawah struktur begini, pembeli lazimnya memiliki daya runding kuat untuk menetapkan harga yang memaksimumkan keuntungan mereka.

Terbukti sejak kebelakangan, pengilang mengenakan kadar pemotongan (pemutusan) padi dengan jeda 20 hingga 75 peratus, untuk mempertahankan margin keuntungan mereka. Petani menerima hasil jualan bersih yang rendah.

Hari ini, agihan keuntungan di sepanjang rantaian bekalan tidak setara, memihak kepada pengilang, pemborong dan pengimport.

Pasaran yang berpusat seperti ini juga merencat peluang petani atau industri kecil dan sederhana (IKS) untuk menceburi perkilangan atau pemborongan kerana halangan kemasukan tinggi.

Menyikap silam, struktur pasaran padi 1970-an adalah bersaing, inklusif dan setara kerana ia dipacu koperasi - milik dan usaha petani. Di tahap sektor input, agihan berpusat kepada satu agensi selama 50 tahun memberi kesan serius yang tidak disedari ramai.

Pertama, ia membantutkan pembangunan pasaran input tempatan. Lantas tiada inovasi. Kedua, ia menghakis persaingan. Maka petani tidak berpeluang un-

tuk bebas memilih apa yang terbaik untuk sawahnya, membina daya keusahawanan dan kreativiti mereka.

Sektor hiliran kian mengukuh, tetapi pendapatan petani tiada kemajuan. Pendapatan bersih bulanan petani dianggar RM300 hingga RM850 per hektar. Hanya 12 peratus petani memiliki sawah lebih 4 hektar untuk mencapai pendapatan lebih RM2,000 per hektar sebulan.

Dasar harga siling beras membekalkan pengguna miskin. Oleh kerana harga siling lebih tinggi daripada harga sempadan, bermakna mereka membayar cukai tak langsung lebih tinggi.

Nisbah perbelanjaan ke atas beras besar berbanding pengguna berada. Ini bertentangan matlamat jaminan bekalan makanan yang bertujuan membantu pengguna miskin.

Kesan luar jangka dasar juga serius, membantutkan industri. Selain industri input tempatan yang hampir tak wujud, industri padi tidak memiliki produk nilai tambah yang pelbagai sebagaimana di negara lain (untuk makanan dan minuman, bahan pembinaan, kesihatan, kecantikan dan sebagainya).

Amalan mencampur beras import dan seludup (yang murah) dengan beras tempatan sangat berleluasa. Jadi, pengguna tidak menikmati kualiti beras sebenar mengikut harga dibayar.

Selain pengilang, pemborong dan peruncit, tiada IKS dalam industri ini kerana tidak banyak produk nilai tambah berasaskan padi dan beras. Kepelbagaian produk nilai tambah perlu untuk me-

ningkatkan harga dan nilai produk kepada petani dan pengguna.

Jika ekosistem semasa bertekanan, nasib petani dan prestasi industri tidak akan berubah. Petani mungkin lebih derita dan pemain bermodal besar akan mengaut untung lebih tinggi.

Industri memerlukan kelonggaran daripada kongkongan dasar campur tangan mendalam ini demi pertumbuhan, kesetaraan dan kelestarian (ekonomi dan ekologi). Ciri ini adalah landasan utama jaminan bekalan makanan negara.

Selama 50 tahun negara cuba memperbaiki kegagalan pasaran melalui penetapan harga yang dianggap 'berpatutan', tetapi dalam ekosistem semasa yang diperlukan adalah 'institusi yang betul'. Apabila institusi betul, ketiga-tiga matlamat tadi boleh dicapai.

Perubahan institusi bermaksud pasaran yang bersaing pada semua tahap import, borong dan kilang supaya harga kompetitif dan peluang menceburi sektor ini terbuka kepada semua, tidak terhad yang memiliki modal besar.

Bererti monopoli BERNAS perlu dirungkit demi persaingan dan kesetaraan. Kembalikan koperasi kilang yang dipacu petani sendiri supaya mereka dapat bertahan.

Agihan baja perlu dibuka untuk mencambukkan pasaran input tempatan dan petani, koperasi dan pertumbuhan peladang boleh cemburi perniagaan input. Yang penting, mengupayakan petani supaya membuat keputusan bijak ke atas sawahnya.

Begitu juga pasaran biji benih perlu dibuka supaya lebih bersaing dan tidak terhad kepada sembilan pembekal sahaja.

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu kreatif dalam menjanakan mesin, peralatan, kilang yang sesuai untuk petani kecil menceburi pemasaran terus dan nilai tambah.

Saiz sawah kecil bukan lagi satu beban kerana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan Internet of Things (IoT) membolehkan mereka menembusi pasaran tanpa batasan masa dan lokasi. Ini harus dipesatkan.

Agenda pembangunan input tempatan dan IKS berasaskan padi serta beras perlu dimulakan segera.

Bererti sebarang monopoli harus dihentikan supaya institusi boleh berfungsi lebih efektif untuk mencetuskan pertumbuhan, kesetaraan, dinamisme dan kelestarian.

